

JAWATAN	:	PENOLONG JURUUKUR
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
GRED JAWATAN	:	JA5
GRED GAJI	:	GAJI MINIMUM GAJI MAKSIMUM KENAIKAN GAJI TAHUNAN RM1,7310.00 RM6,620.00 RM145.00
SYARAT LANTIKAN	:	1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: (i) Sijil Ukur Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM1,731.00); atau (ii) Diploma Ukur Tanah atau Diploma dalam bidang Geomatik yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM2,055.00).
SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU	:	2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN	:	3. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.